

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
TAHUN 2020**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID  
[ PADANG TERAP ]**

**TARIKH : 5 OGOS 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID [ PADANG TERAP ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan statistik terkini individu yang kehilangan pekerjaan dalam tempoh perlaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan statistik laporan pekerja terhadap majikan yang gagal mematuhi syarat penerima dana program Pengekalan Pekerja (ERP) serta apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian bagi mengatasi masalah ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pandemik COVID-19 telah memberi impak besar kepada ekonomi global keseluruhannya termasuk di Malaysia.
2. Penularan wabak COVID-19 telah memberi impak kepada landskap pasaran pekerjaan di Malaysia yang melibatkan pemberhentian kerja dalam pelbagai sektor.

3. Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan Yang Mulia ini, berdasarkan rekod pemberhentian sehingga 17 Julai 2020, sebanyak 62,247 kes kehilangan pekerjaan telah dilaporkan di bawah Sistem Insurans Pekerjaan.

Pecahan mengikut sektor-sektor pekerjaan **utama terkesan** yang terlibat adalah seperti berikut:

- Sektor Pembuatan sebanyak 14,281 atau 23%.
- Sektor Penginapan dan Aktiviti Perkhidmatan Makanan dan Minuman sebanyak 79,898 atau 16%.
- Sektor Perdagangan Borong dan Runcit sebanyak 8,543 atau 14%.
- Selebihnya adalah melibatkan lain-lain sektor.

4. Sehingga 17 Julai 2020, sebanyak 314,423 majikan dan 2.546 juta pekerja yang telah menerima manfaat daripada bantuan Program Subsidi Upah (PSU) melibatkan pembayaran sejumlah RM7.823 bilion.

Manakala di bawah **ERP**, Sehingga 17 Julai 2020, Sebanyak 32,383 majikan dan 339,780 pekerja telah menerima manfaat menerusi ERP yang melibatkan bayaran sebanyak RM207.6 juta.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Berhubung **isu yang dibangkitkan** oleh **YB Padang Terap**, berdasarkan rekod yang diterima sehingga 17 Julai 2020 oleh PERKESO, sebanyak **87 kes aduan** telah direkodkan di bawah Program Pengekalan Pekerjaan (ERP) terhadap **majikan yang mengingkari terma dan syarat ERP kerana tidak menyalurkan bantuan yang diterima kepada pekerja yang layak** di bawah program ini.

6. Untuk makluman Ahli Dewan Yang Mulia ini, bagi permohonan yang telah diberi kelulusan dan dibuat pembayaran, senarai nama majikan telah dipaparkan di laman web PERKESO untuk tujuan semakan para pekerja dan untuk membolehkan mereka membuat aduan sekiranya tidak berpuas hati terhadap majikan mereka.

7. Sehubungan dengan itu, sekiranya aduan diterima, tindakan yang boleh diambil oleh Kementerian saya melalui PERKESO adalah seperti berikut:

- (i) Menyenarai hitamkan majikan tersebut;
- (ii) Proses pembayaran untuk bulan berikutnya akan dihentikan;
- (iii) Pengesahan aduan dan laporan polis akan dibuat bagi kes penyalahgunaan Program Subsidi Upah.

8. Saluran Kaunter Khidmat Pelanggan serta Talian Khas berkenaan PSU dan ERP turut diwujudkan bagi menyediakan perkhidmatan serta menangani urusan berkaitan permohonan dan aduan. PERKESO turut mewujudkan **task force khas** untuk mengawal selia semua permohonan dan aduan-aduan berkaitan bagi memastikan pematuhan majikan-majikan yang menerima subsidi ini memenuhi terma dan syarat yang ditetapkan.

9. Kementerian melalui PERKESO telah pun menghubungi majikan terbabit dan akan mengambil tindakan susulan atas kesemua majikan tersebut.

Sekian, terima kasih.